

PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN MURID SEKOLAH RENDAH SECARA MAYA SEMASA PANDEMIK COVID-19

Hamdi Ishak¹, Siti Fatimah Mohd Maiyurid² & Sabri Mohamad³

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia

hamdi@ukm.edu.my¹, fatimahmaiyyurid@gmail.com² & sabri_m@ukm.edu.my³

ABSTRACT

The subject of recitation of the Quran is a subject that involves the process of teaching and learning to know, read and appreciate the Quran. Islam strongly encourages its people to learn the Qur'an from an early age. Aware of this, the government has introduced the subject of recitation of the Quran as one of the compulsory subjects in schools. Recitation of the Quran has been introduced and given emphasis to every primary school student who is a Muslim as early as 7 years old. Teachers in the school have applied various methods of teaching recitation of the Quran so that it is easily understood by students. Among them are the methods of *talaqqī*, *musyāfahah*, *tasmik* and so on. Teachers can guide and evaluate students' recitation of the Qur'an face to face. Following the outbreak of Covid-19, the government announced the Movement Control Order (PKP). Online teaching and learning methods have been implemented by all levels of educational institutions. Various challenges are faced by teachers and students during this virtual learning. However, the teaching of Quran recitation will continue in line with the government's goal of producing people who are Quran literate and reduce illiteracy among students.

Keywords: Teaching, Quran Recitation, Primary School, Online, Covid-19 Pandemic.

ABSTRAK

Subjek tilawah al-Quran merupakan sebuah subjek yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran untuk mengenal, membaca dan menghayati al-Quran. Islam amat menggalakkan umatnya mempelajari al-Quran sejak usia kanak-kanak lagi. Menyedari akan hal ini, pihak kerajaan telah memperkenalkan subjek tilawah al-Quran sebagai salah satu subjek wajib di sekolah. Tilawah al-Quran telah diperkenalkan dan diberi penekanan kepada setiap murid sekolah rendah yang beragama Islam seawal usia 7 tahun. Guru-guru di sekolah telah mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran tilawah al-Quran agar mudah difahami oleh para pelajar. Antaranya kaedah *talaqqī*, *musyāfahah*, *tasmik* dan sebagainya. Guru dapat membimbing dan menilai bacaan al-Quran murid secara bersemuka. Pasca penularan wabak Covid-19, kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian telah dilaksanakan oleh semua peringkat institusi pendidikan. Pelbagai cabaran dihadapi oleh guru dan pelajar sewaktu pembelajaran maya ini. Namun, pengajaran tilawah al-Quran tetap diteruskan selaras dengan tujuan kerajaan melahirkan insan celik al-Quran dan mengurangkan kadar buta huruf dalam kalangan pelajar.

Kata kunci: Pengajaran, Tilawah al-Quran, Sekolah Rendah, Maya, Wabak Covid-19.

PENGENALAN

Pendidikan bersumberkan al-Quran secara rasminya bermula daripada wahyu diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui bimbingan malaikat Jibril AS yang membimbing baginda membaca. Pengertian daripada wahyu pertama tersebut iaitu “*iqrā*” daripada surah al-‘Alaq itu

sendiri membawa maksud yang mendalam iaitu suruhan membaca, belajar dan mengkaji ilmu (Mohd Yusuf 2000). Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا أُرْسُولُ بَلَّغْ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَتَعَلَّمْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَةَ اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ
الْكُفَّارِينَ ٦٧

Maksudnya : *Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharamu dari (kejahanatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir.*

(al-Quran, al-Mā''idah 5: 67)¹

Pengajian al-Quran yang pertama iaitu apabila malaikat Jibril AS yang membacakan ayat al-Quran kepada Rasulullah SAW. Baginda pun mendengar dengan teliti, tidak tergopoh-gopoh dan menunggu malaikat Jibril menyelesaikan bacaan. Dari situlah baginda SAW mula memperlajari bacaan al-Quran (Kamarul Azmi & Mohd Aderi 2013).

Peringkat seterusnya, Nabi Muhammad SAW membaca dan mengajar al-Quran kepada para sahabat dan keluarga baginda SAW di rumah baginda, dan di tempat tinggal al-Arqam bin Abi al-Arqam. Proses pengajaran al-Quran ini kian giat berkembang selepas peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad SAW ke Madinah. Hasil usaha Nabi Muhammad SAW mengajar al-Quran melalui pelbagai kaedah terbaik semasa mengajar, baginda berhasil melahirkan lebih ramai golongan sahabat yang boleh membaca dan menghafal al-Quran setelah mempelajari secara langsung bersama Rasulullah SAW (Rashidi 2008; al-Quraysh 2004).

Baginda tidak sekadar menggunakan kaedah syarahan atau pengajaran satu hala sahaja sewaktu baginda mengajar. Baginda turut mengaplikasikan sesi soal jawab dalam mendidik bagi menimbulkan rasa ingin tahu dan melatih individu berfikiran kritis (Razali 2010; Abdul Fattah 2001). Selain itu, kaedah penulisan, kaedah perumpamaan atau kiasan turut diaplikasikan oleh Rasulullah SAW dalam mendidik para sahabat. Rasulullah juga merupakan contoh pendidik terbaik dalam memberi teguran kepada individu yang melakukan kesilapan dengan tidak merendahkan individu yang melakukan kesilapan tersebut (Rashidi 2008).

Pengajaran al-Quran di Malaysia telah bermula dan semakin berkembang sejak awal kurun ke-19 lagi. Pengajian al-Quran di Malaysia dilaksanakan dalam tiga bentuk institusi pendidikan (Fauzi, Ishak & Faisal 2010). Pertama, institusi tidak formal iaitu proses pembelajaran yang dijalankan dalam rutin atau suasana harian misalnya di rumah dan tiada sukaian yang ditetapkan (Baharom & Iliyas 2010). Kedua, institusi bukan formal iaitu di masjid-masjid, surau dan rumah para guru yang mengajar al-Quran kepada penduduk kampung (Suhaimi 2006). Ketiga, institusi formal iaitu pengajian al-Quran di institusi yang menempatkan tempat pembelajaran yang khusus, mempunyai sistem pentadbiran, sistem pembelajaran yang lebih sistematik, serta guru yang dilantik ialah guru yang mempunyai latar belakang dan kemahiran dalam subjek al-Quran.

¹ Terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

PEDAGOGI PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN

Pedagogi berasal daripada sebuah perkataan Bahasa Latin yang bermaksud kemahiran atau kaedah mengajar yang digunakan oleh seseorang guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pada awalnya, konsep pedagogi hanya diaplikasikan dalam konteks pengajaran kanak-kanak. Seiring dengan perkembangan sektor pendidikan, konsep pedagogi turut digunakan dalam konteks pengajaran di semua peringkat institusi pembelajaran (Augustine Ngali 2019; Mok Soon Sang 2005).

Zamri & Magdeline (2012); Nurul Hudaa et al. (2010) menyatakan kefahaman guru terhadap pedagogi dalam pengajaran adalah amat penting. Terdapat banyak kajian yang dijalankan bagi mengenal pasti amalan pengajaran, kaedah pengajaran dan tahap kefahaman murid berdasarkan keberkesanan kaedah pengajaran yang dipilih oleh guru (Rozita Radhiah et al. 2012; Mohd Amin 2001). Kajian Yahya & Lailinanita (2012) dan kajian Tengku Sarina Aini & Faridah (2008) telah membuktikan bahawa tahap kefahaman murid dalam sesi pembelajaran amat bergantung kepada keupayaan guru menyampaikan pengajaran dengan menarik dan kreatif.

Mohd Yusuf (2000) menjelaskan bahawa kaedah pengajaran yang berkesan ialah sebuah siri tindakan yang sistematik yang merangkumi langkah dan kaedah penyampaian yang tersusun bagi mencapai objektif sesebuah pelajaran. Ia perlu dirangka oleh guru bersesuaian dengan peringkat umur dan kemampuan pelajar terhadap subjek tersebut. Oleh itu, Kamarul Azmi (2010) & Berliner (2001) menyatakan bahawa para guru seharusnya mempunyai strategi dan perancangan pengajaran yang baik dalam mengajar pelajar di usia kanak-kanak.

Menurut Slavin (2003), terdapat empat faktor yang menyumbang ke arah keberkesanan amalan pengajaran guru. Empat faktor tersebut ialah pertama pemilihan kaedah pengajaran; kedua aras pengajaran yang bersesuaian dengan tahap kemampuan penerimaan pelajar; ketiga mewujudkan insentif pengajaran sama ada berbentuk ganjaran atau pujian sekiranya murid mampu menguasai sesuatu topik; dan keempat masa yang diperuntukkan oleh seseorang guru dalam melaksanakan proses pengajaran sesuatu subjek.

Kaedah pengajaran guru subjek al-Quran yang paling kerap dilaksanakan serta fleksibel kepada pelbagai peringkat umur pelajar ialah kaedah *talaqqī*, *musyāfahah*, *tasmī* dan sesi soal jawab bersama murid (Bani Hidayat & Norhayati Fatmi 2018; Azmil Hashim et al. 2014). Sesi soal jawab yang menarik menggunakan bahan bantu mengajar seperti gabungan kad imbasan berwarna-warni terbukti menarik minat dan memudahkan para pelajar di usia 7-12 tahun untuk memahami subjek tilawah al-Quran (Norhashimi 2005).

Ahmad Sukari & Mohd Nizam (2014) menjelaskan al-Ghazālī mencadangkan inisiatif lain yang boleh dilaksanakan oleh guru tilawah al-Quran bagi memastikan murid bersemangat dan mudah mempelajari al-Quran. Guru boleh mewujudkan sesi perkongsian pendapat dalam kalangan pelajar berkaitan apa yang mereka fahami dalam sesi PdP subjek tilawah al-Quran. Sesi seperti ini selain mampu melatih murid menjadi lebih yakin; ia juga mendidik pelajar meraikan perbezaan dan bersemangat berkongsi pemahaman bersama rakan-rakan (Nursafra et al. 2018).

Seterusnya, para guru boleh mewujudkan sistem insentif atau ganjaran dalam pengajaran tilawah al-Quran. Insentif yang diberikan, tidak terhad hanya pada sesuatu yang berbentuk

material sahaja (Slavin 2014). Penghargaan berbentuk pujian juga merupakan salah satu bentuk ganjaran yang mampu menyuntik motivasi dalam diri pelajar.

Guru perlu bijak dalam memberikan penghargaan kepada para pelajarnya. Peningkatan prestasi pelajar boleh dinilai secara berterusan dan sama rata agar tiada pelajar yang merasa tersisih dan tidak diraikan (Abdullah Sani Yahaya 2005; Abdullah Sani Yahaya et al. 2007; Arief Salleh Rosman & Wardah Mokhtar 2007).

Konsep ganjaran dan suntikan motivasi dalam pendidikan ini sebenarnya telah dipraktikkan dari zaman Rasulullah SAW lagi. Nabi Muhammad SAW pernah mengadakan jamuan dan menjemput keluarga dan saudara baginda SAW ke majlis tersebut. Apabila mereka berkumpul, Nabi SAW pun menyampaikan seruan Allah SWT kepada mereka (Nik Abdul Aziz 2008). Maka, konsep ini juga boleh diguna pakai oleh para guru untuk menyuntik semangat murid, sekaligus menggunakan waktu tersebut untuk memberi peringatan atau menegur murid.

Kesimpulannya, para guru perlu bahawa para guru perlu mempunyai strategi dan perancangan pengajaran yang baik dalam mengajar al-Quran lebih-lebih lagi kepada para pelajar di usia kanak-kanak. Tahap kemampuan setiap pelajar yang berbeza juga perlu dititikberatkan dalam perancangan pengajaran guru Kamarul Azmi (2010). Pengajaran yang teratur dan tidak tergopoh gapah juga perlu diberi perhatian oleh guru. Hal ini bagi memastikan murid memahami dan mampu mempraktikkan tilawah al-Quran secara menyeluruh (Kamarul Azmi 2010; Ab. Aziz 2001; Ibn Khaldun 2000).

PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

Penularan wabak Covid-19 yang bermula sekitar hujung tahun 2019 telah mengejutkan seluruh dunia sekaligus merubah sebahagian besar rutin dan aktiviti harian masyarakat termasuk di negara Malaysia. Pandemik yang melanda ini memaksa pihak kerajaan menetapkan beberapa langkah pencegahan menyeluruh bagi menekan penyebaran wabak ini daripada menjadi lebih parah.

Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020. Kemudian kerajaan turut memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sebagai langkah mengawal angka jangkitan daripada terus meningkat.

Selaras dengan penetapan tersebut, aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) turut diperkenalkan memandangkan semua institusi pendidikan daripada tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi terpaksa ditutup. Pihak pendidik termasuk para guru perlu merangka kaedah penyampaian yang lebih fleksibel agar para pelajar boleh mengakses pelajaran tersebut secara atas talian dan di luar talian (KPM 2020).

Oleh itu, para guru yang mengajar subjek tilawah al-Quran di peringkat sekolah rendah turut bertungkus-lumus dalam memastikan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) subjek tilawah al-Quran dapat dijalankan dengan baik. Pelbagai alternatif pembelajaran atas talian dan luar talian seperti rakaman video bacaan potongan ayat tilawah, saluran televisyen pendidikan, penggunaan aplikasi Zoom, Google Classroom dan lain-lain lagi turut digunakan agar para pelajar tidak ketinggalan dalam pelajaran (Ehwan Ngadi 2020; Nor Fauziana 2020).

KEPENTINGAN PENGAJARAN AL-QURAN SEWAKTU MUSIM PANDEMIK COVID-19

Berhadapan dengan cabaran pengajaran al-Quran secara atas talian, hal ini tidak mematikan kesungguhan para guru untuk membantu para pelajar memahami dan mempelajari al-Quran dengan baik. Pelbagai alternatif diambil agar sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik memandangkan terdapat pelbagai kajian lepas yang menyatakan tahap keupayaan bacaan al-Quran para pelajar di pelbagai peringkat institusi pendidikan, perlu diberikan perhatian.

Mohd Yakub @ Zulkifli & Saidi (2008) melalui kajian mereka telah mendapati tahap keupayaan bacaan al-Quran murid tingkatan empat di beberapa buah sekolah terpilih di Terengganu masih di tahap tidak memuaskan. Sebahagian besar pelajar belum mampu membaca al-Quran dengan baik walaupun mereka telah melalui sesi PdP subjek al-Quran selama enam tahun di peringkat sekolah rendah. Kajian ini mengukuhkan dapatan Mohd Zainul Ariefin (2006) yang mendapati sebahagian besar pelajar di pelbagai peringkat institusi pengajian masih belum mampu mengenal hukum tajwid dan membaca potongan ayat tilawah dengan baik. Maka, pengajaran tilawah al-Quran perlu terus diperkasakan lebih-lebih lagi pada musim pandemik ini bagi mengelakkan isu ini berulang lagi.

Nur Hasliza (2020) memetik kenyataan Pengurus Persatuan Tadika Malaysia (PTM) yang menyatakan kadar buta huruf termasuk buta huruf al-Quran dalam kalangan murid prasekolah dan sekolah rendah juga diramal akan meningkat. Hal ini akan terjadi sekiranya murid tidak dapat mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara optimum akibat jurang kemiskinan, perbezaan tahap capaian internet dan kekangan mendapatkan akses untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Maka, para guru tilawah al-Quran memainkan peranan penting dalam memastikan pengajaran al-Quran secara atas talian dan di luar talian tetap dijalankan bagi menangani krasis buta huruf dalam kalangan pelajar.

Pembentukan peribadi murid berteraskan al-Quran dan al-Sunnah juga merupakan salah satu faktor pengajaran tilawah al-Quran perlu dilaksanakan dengan berkesan pasca musim pandemik ini. Memandangkan para pelajar lebih banyak meluangkan masa di rumah, ia lebih membuka ruang untuk para pelajar seawal usia 7 tahun untuk terdedah dengan pengaruh negatif daripada media sosial mahupun rancangan televisyen yang tidak bersesuaian dengan peringkat umur mereka. Oleh itu, apabila pengajaran dan penghayatan al-Quran dan al-Sunnah dapat diterapkan dalam rutin harian anak-anak melalui pengajaran guru al-Quran dan pemantauan berterusan daripada ibu bapa; ia dapat membentuk peribadi anak-anak seawal usia mereka sekaligus membendung mereka daripada masalah sosial (Mohd Yusof 2020).

CABARAN PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN SEWAKTU MUSIM PANDEMIK COVID-19

Memandangkan antara kaedah terbaik bagi menjalankan pengajaran tilawah al-Quran ialah melalui *talaqqī* dan *musyāfahah*, para guru tilawah al-Quran tetap berusaha melaksanakannya melalui pembelajaran atas talian (Ashraf, Khazri & Nurul Hudaa 2020). Namun, terdapat cabaran yang dilalui oleh para guru dan murid dalam memastikan pengajaran tilawah al-Quran dapat disampaikan secara atas talian dengan baik.

Memandangkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) memerlukan para guru melaksanakan proses pengajaran secara atas talian, maka ia memerlukan usaha yang berganda

daripada guru untuk mengadaptasi pengajaran yang lebih kreatif dan menarik minat para pelajar supaya kekal fokus sepanjang sesi pembelajaran. Pemilihan aplikasi pengajaran yang mesra pengguna dan mudah diakses juga diambil kira dalam memastikan pengajaran dapat disampaikan dengan baik kepada semua pelajar dengan pelbagai latar belakang ekonomi keluarga (Abdul Hanis 2021).

Pembelajaran dari rumah juga secara tidak langsung menuntut ibu bapa untuk turut bekerjasama bersama para guru dalam memantau dan memastikan para pelajar kekal berdisiplin mengikut jadual pembelajaran yang disediakan dan menyelesaikan tugas yang diberikan. Tanggungjawab memberikan sokongan moral dan suntikan motivasi memastikan para pelajar kekal bersemangat dan positif sepanjang sesi pengajaran berjalan turut digalas bersama oleh para guru dan ibu bapa (Abdul Hanis 2021; Ehwan Ngadi 2020).

Antara cabaran lain pengajaran tilawah al-Quran sewaktu musim pandemik ini ialah jurang capaian internet yang berbeza dalam kalangan pelajar. Bagi pelajar yang tinggal di kawasan yang kurang mendapat capaian internet, pengajaran secara atas talian tidak dapat diakses dengan baik. Maka, pihak guru terpaksa membahagikan kaedah pengajaran, iaitu pertama pengajaran melalui platform atas talian, dan kedua melalui kaedah yang tidak membabitkan capaian internet termasuklah dengan menghantar atau mengepos bahan pengajaran dan tugas kepada pelajar sendiri supaya tiada murid yang keciciran dalam pembelajaran (Ehwan Ngadi 2020).

KESIMPULAN

Subjek tilawah al-Quran merupakan salah sebuah subjek yang diterapkan oleh pihak kerajaan bagi mencapai motif melahirkan insan celik al-Quran seawal usia 7 tahun. Kaedah pengajaran tilawah al-Quran yang berkesan telah ditunjukkan oleh pendidik terulung umat Islam sendiri, iaitu Rasulullah SAW. Para guru tilawah al-Quran perlu mencontohi pemilihan kaedah pengajaran yang telah dilaksanakan oleh baginda SAW dalam mendidik para pelajar di usia kanak-kanak. Selain itu, rancangan pengajaran yang rapi dan pelaksanaan kajian terhadap tahap keupayaan murid memahami pengajaran turut membantu guru menilai dan memilih kaedah pengajaran terbaik agar murid dapat memahami, menghayati dan mengaplikasikan al-Quran dalam kehidupan. Sistem PdPR yang kini giat dilaksanakan, telah melatih guru tilawah al-Quran untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran agar murid kekal fokus dan bersemangat mempelajari tilawah al-Quran walaupun tidak dapat mempelajarinya secara bersempuka di dalam kelas bersama guru dan rakan-rakan.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.*
- Ab. Aziz Mohd Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Sani Yahaya. 2005. *Mengurus Hal Ehwal Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya, Abdul Rashid Mohamed & Abdul Ghani Abdullah. 2007. *Guru sebagai Pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Fattah Abu Ghuddah. 2001. *Nabi Muhammad: Guru dan Pendidik Terulung*. Terj. Shuhadak Mahmud. Negeri Sembilan: M Khairi Ent. & Al Azhar Ent.
- Abdul Hanis Embong. 2021. *Mencari Reda Pembelajaran al-Quran Secara Maya*. Berita Harian, 7 Februari.

- Ahmad Sukari Mohamad & Mohd Nizam Sahad. 2014. *Teori Kepimpunan Guru*. Afkār Edisi Khas (2014): 163-196.
- Al-Quraysh, Abul Fidā' Ismail Kathir. 2004. *Kisah Para Nabi: Teladan Bagi Orang Berakal*. Terj. Abu Hassan Din. Kuala Lumpur: Darul Fajar.
- Arief Salleh Rosman & Wardah Mokhtar. 2007. *Membentuk Jati Diri Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ashraf Ismail, Khazri Osman & Nurul Hudaa Hassan. 2020. *Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19*. E-Proiscing Bicara Dakwah Kali Ke-21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik, hlm. 110-116.
- Augustine Ngali. 2019. *Kepentingan Pedagogi dalam Pendidikan*. Kertas Kerja ISMP Pendidikan Awal Kanak-Kanak UNISEL. Selangor. T.th.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh. 2014. *Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar*. Journal of Al-Quran and Tarbiyyah 1(1) 2014 : 9-16.
- Baharom Mohamad & Iliyas Hashim. 2010. *Gaya Pengajaran dan Pembelajaran*. Batu Caves : PTS Professional Publisher.
- Bani Hidayat Mohd Shafie & Norhayati Fatmi Talib. 2018. *Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)* JAKIM. Jurnal Penyelidikan Pendidikan 12(1): 150-158.
- Berliner, D.C. 2001. *Learning About and Learning From Expert Teachers*. International Journal of Educational Research 35(5): 463-482.
- Ehwan Ngadi. 2020. *Mendepani Cabaran Pembelajaran Secara Dalam Talian*. Bernama, 2 Disember.
- Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman & Faisal Ahmad Shah. 2010. *Pengajian Hadith di Malaysia: Tokoh Karya dan Institusi*. Petaling Jaya: Penerbit Universiti Malaya.
- Ibn Khaldun, ḡAbd ar-Raḥmān Muḥammad. 2000. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi Che Noh. 2013. *Sejarah, Kaedah, Serta Model Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran (History, Methods, and Models of Teaching and Learning of The Quran)*. Kertas Kerja Bengkel Pemulihan dan Pengayaan PdP al-Quran SRA JAWI (Remedial and Enrichment Workshop for Teaching and Learning Quran SRA JAWI). Kuala Lumpur, 28-29 Oktober.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian pendidikan malaysia. 2020. *Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah*.
- Mohd Amin Abdul Rahim. 2001. *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Mohd Yakub @ Zulkifli Haji Mohd Yusoff & Saidi Mohd. 2008. *Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu*. Jurnal al-Bayān 6(1): 53-85.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Yusof Saari. 2020. *Al-Quran Penawar Hati Resah Berdepan Ujian Covid-19*. Berita Harian, 12 Mei.
- Mohd Zainul Arifien Mohd. 2006. *Kaedah Pembelajaran Tajwid dan Hafazan al Quran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mok Soon Sang. 2005. *Ilmu Pendidikan untuk KPLI, Psikologi Pendidikan dan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. 2008. *Sirrah Nabawiyah Insan Teladan Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Nurfair Street.
- Norhashimi Saad. 2005. *Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam dan Sekolah Bestari Islam. Pedagogi Merentas Kurikulum*. Bentong: PTS Proffesional Publishing Sdn. Bhd.
- Nor Fauziana Mohd Salleh. 2020. *Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan di Malaysia*. Pahang: Kolej Komuniti Bentong.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak & Maimun Aqsha Lubis. 2018. *Strategi Penyoalan Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran Berfikir Kritis*. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J). 2(1): 72-87.
- Nur Hasliza Mohd Salleh. 2020. *Pandemik Covid-19 Sebabkan Murid Prasekolah Mungkin Buta Huruf Sebelum Masuk Alam Persekolahan*. Malaysia Now, 18 November.
- Nurul Hudaa Hassan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof & Kamarulzaman Abdul. Ghani. 2010. *Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan bagi Tajuk Ism Al-*c*Adad Wa Al Ma^cdūd dalam Kalangan Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah*. Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah 2 2010, hlm. 31-42.
- Rashidi Abbas. 2008. *Kemahiran Insaniah: Meneroka Metodologi Rasulullah SAW*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Razali Saaran. 2010. *Hebatnya Cara Rasulullah Mendidik*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd.
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian. 2012. *Amalan Pengajaran Guru Cemerlang di dalam Bilik Darjah: Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi (Excellent Teachers Essay Writing Classroom Instructional Practice: A Case Study From Multiple Locations)*. Asia Pacific Journal of Educators and Education. 27(1): 51-68.
- Slavin, R. E. 2003. *Educational Psychology : Theory and Practice (2003)*. Boston: Aallyn & Bacon.
- Slavin, R. E. 2014. A Model of Effective Instruction. *The Educational Forum*. 59(2):166-176.
- Suhaimi Abdul Wafir. 2006. *Pengajian Hadith Di Negeri Perak : Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah, Ipoh, Perak*. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain. 2008. *Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun*. Jurnal Usuluddin 27: 141-156.
- Yahya Buntat & Lailinanita Ahamed. 2012. *Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru-Guru Teknikal di Sekolah Menengah Teknik dari Perspektif Guru*. Journal of Technical, Vocational & Engineering Education 6: 44-58.
- Zamri Mahamod & Magdeline anak Nor. 2012. *Penguasaan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Iban*. Journal of Language Studies. 12(2): 593-605.